



Perubahan dan upacara tradisional Indonesia: Kajian kes ‘Rambu Solo’ dulu dan kini di Makale Utara Tana Toraja, Sulawesi

Hasbi¹, Mohamad Fauzi Sukimi¹, Mimi Hanida Abdul Mutalib¹

¹Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Correspondence: Hasbi (email: hasbiukm@yahoo.com)

Abstrak

Upacara rambu solo' dulu dan kini mengalami perubahan dan boleh menimbulkan pelbagai masalah. Makalah ini bertujuan untuk melihat bagaimana berlakunya perubahan upacara rambu solo' masa dulu dan masa kini di Makale Utara, Tana Toraja, Sulawesi Selatan, Indonesia. Menggunakan kaedah kualitatif. Data diperoleh dari pemerhatian, temu bual dan sumber bertulis dari pengkaji-pengkaji budaya Toraja sebelum ini. Hasil kajian menemukan bahawa perubahan makna upacara rambu solo' dulu dan kini, menimbulkan tiga bentuk motif perilaku, iaitu motif status sosial yang mengarah kepada motif ingin memperlihatkan prestij, motif ekonomi, dan motif budaya. Hasil kajian mencadangkan kepada tokoh agama, lembaga pendidikan dan pemerintah agar meningkatkan pembinaan agar menyedarkan masyarakat Toraja supaya meninggalkan perilaku pelbagai motif ini terutamanya motif memperlihatkan prestij demi menjamin keaslian makna ritual ini.

Katakunci: motif budaya, motif ekonomi, motif status social, perilaku dualism, perubahan, upacara rambu solo

Change and Indonesia's rituals: A case study of the past and present 'Rambu Solo' ritual at north Makale Tana Toraja, Sulawesi

Abstract

Changes experienced in the "Rambu Solo" ritual have led to multiple complications. This study examined how those ritual changes took place in North Makale, Tana Toraja, Sulawesi Island, Indonesia. Employing qualitative method, primary data were gathered from field observation and in-depth interviews and secondary information from written documents of past Toraja culture's researchers. The findings indicated that alterations in the significance of the "Rambu Solo" ritual created three kinds of behavioural motives; one, social status motives that pointed to prestige demonstrating, second, the other economic motives, and third, the cultural motives. The findings suggested that religious figures, educational board and authorities educate the Toraja's community to abandon the multiple behavioural motives, in particular, the social status display motives, so as to restore and preserve the original authenticity of the ritual.

Keywords: changes, culture's motives, dualism behavior, economy, Rambu Solo ritual, social status

Pengenalan

Upacara *rambu solo'* dulu diasaskan kepada ajaran *Aluk Todolo*, iaitu agama tradisional orang Toraja (Tangdilintin LT, 1975; Toraja Tallu Lembangna, 2010). Kini upacara *rambu solo'* telah mengalami

perubahan. Perubahan yang terjadi dalam konteks upacara *rambu solo*' dulu dan upacara *rambu solo*' kini mengakibatkan terjadinya perubahan makna *upacara rambu solo*'. Kehidupan orang di Makale Utara pada masa dulu disandarkan kepada kepercayaan *Aluk Todolo*'. Salah satu bentuk kehidupan tersebut adalah upacara *rambu solo*' yang diamalkan mengikut kepercayaan *Aluk Todolo*. Pada masa kini kehidupan tersebut telah mengalami perubahan. Berlakunya perubahan tersebut kerana adanya penyebaran agama Kristian dan proses modenisasi melalui sistem pendidikan Sekolah Kristian. Hal ini menimbulkan berbagai motif dalam mengamalkan upacara *rambu solo*' pada masa kini. Motif tersebut adalah motif status sosial, motif ekonomi, dan motif budaya. Ketiga motif tersebut mempunyai kesan ke atas pilihan bentuk upacara *rambu solo*', iaitu bentuk *rapasan* dan bentuk bukan *rapasan*.

Perubahan bentuk upacara *rambu solo*' masa dulu ke upacara *rambu solo*' masa kini dianalisis dengan menggunakan salah satu daripada teori perubahan sosial dan budaya oleh Malinowski, iaitu teori difusi. Untuk memahami motif tindakan informan mengamalkan upacara *rambu solo*' dianalisis dengan menggunakan pendekatan *verstehen* oleh Weber. Menurut Weber, tindakan individu adalah suatu tindakan subjektif yang merujuk pada suatu motif tujuan (*in order to motive*). Manakala menurut Schutz bahawa tindakan individu sebelum masuk pada tataran *in order to motive*, ada tahapan *because motive* yang mendahuluinya iaitu pertimbangan keadaan sosial, ekonomi, budaya, dan norma etika agama. Dalam konteks kajian ini, motif yang dikaji adalah motif pertimbangan status sosial, ekonomi, dan budaya.

Kajian mengenai upacara *rambu solo*' telah banyak dilakukan. Kajian Tandi Roma Andi Lolo (1968) menemukan bahawa martabat individu dapat dinilai berdasarkan kemampuan ekonomi yang kuat melalui jumlah lembu yang disembelih dalam suatu upacara pemakaman *rambu solo*'. Hal ini merupakan salah satu faktor yang dapat mendorong masyarakat untuk menyembelih lembu dalam jumlah yang relatif banyak. Kajian Toby Alice Volkman (1985) menemukan bahawa sebahagian orang Toraja memberikan pemakaunan terhadap lembu yang disesuaikan dengan fungsinya untuk menandai kemampuan seseorang. Masyarakat akan memberikan penghargaan yang lebih kepada orang yang mengorbankan lembu lebih banyak dalam upacara *rambu solo*'. Kajian Hetty Nooy-Palm (1986) menemukan bahawa posisi sosial dan kekayaan individu menentukan pilihan yang relatif tepat terhadap tingkat upacara pemakaman *rambu solo*' yang dilaksanakan menjelang pemakamannya. Kajian Ikma Citra Ranteallo (2007) menemukan pemakaunan ulang (reinterpretasi) ritual pemakaman *rambu solo*' dari makna agama menjadi makna sosial budaya. Manakala kajian Arman Marwing (2011) menemukan faktor-faktor yang mendorong pelaksanaan upacara *rambu solo*' adalah upaya individu untuk memenuhi keperluan dasar dalam dirinya (*survive, love, belonging, power, freedom*) namun beban kewangan pada upacara tersebut adalah tekanan yang mereka hadapi.

Malinowski (dalam John McLeish, 1969) menekankan dua pendekatan bagi mengkaji tentang perubahan sosial budaya, iaitu evolusi dan difusi. Mengikut Malinowski, evolusi (perkembangan) berkaitan dengan asal atau sumber suatu hal dan perkembangan sebagai landasan dalam memahami perubahan kebudayaan. Manakala difusi (penyebaran) bermaksud peminjaman alat atau perlengkapan yang beraneka ragam, cara-cara, serta lembaga-lembaga kepercayaan (agama) daripada kebudayaan lain. Unsur-unsur atau ciri-ciri tersebut menyebar dari satu kebudayaan ke kebudayaan lain. Dalam konteks kajian ini, pendekatan yang digunakan adalah pendekatan difusi untuk melihat perubahan yang berlaku ke atas upacara *rambu solo*'. Upacara *rambu solo*' masa dulu yang diasaskan kepada kepercayaan *Aluk Todolo* sebagai agama tradisional telah mengalami perubahan kerana adanya difusi atau penyebaran agama Kristian sebagai agama moden dan terjadinya proses modenisasi melalui sistem pendidikan Sekolah Kristian.

Pendekatan lainnya adalah pendekatan *verstehen* yang diperkenalkan oleh Weber. Pendekatan *verstehen* digunakan untuk memahami makna tindakan individu. Pendekatan ini beranggapan bahawa individu dalam bertindak tidak hanya sekadar melaksanakannya, tetapi juga menempatkan diri dalam lingkungan berfikir dan perilaku orang lain. Menurut Weber (dalam I.B. Wirawan, 2013) bahawa setiap tindakan, bermotif pada tujuan yang hendak dicapai (*in order to motive*). Hal ini dipengaruhi oleh keadaan sosial, ekonomi, budaya dan agama (*because to motive*). Dalam konteks kajian ini, tindakan informan memilih bentuk upacara *rambu solo*' dilatar belakangi oleh berbagai motif, iaitu motif status sosial, motif ekonomi, dan motif budaya.

Menurut Hamzah Uno (2013) motif dapat diertikan sebagai kekuatan yang terdapat dalam diri individu, yang menyebabkan individu tersebut bertindak atau berbuat. Motif individu tidak dapat diamati secara langsung, tetapi dapat diinterpretasikan dalam tindakannya. Dengan demikian pemerhatian dapat dilakukan terhadap tindakan individu, manakala untuk mengetahui motif individu adalah dengan melalui pengungkapan pengalaman. Dalam konteks kajian ini, motif informan memilih bentuk upacara *'rambu solo'* dapat diketahui dengan pengungkapan pengalamannya dalam mengamalkan upacara *'rambu solo'*. Dari pengungkapan pengalamannya menunjukkan bahawa pilihan bentuk upacara *'rambu solo'* yang diamalkan sama ada rasional dan tidak rasional.

Rasionaliti merupakan salah satu teori yang pada mulanya diterapkan oleh Weber. Rasionaliti, berasal dari kata “*rasio*” yang bererti kemampuan kognitif untuk memilih antara yang benar dan salah, dari yang ada dan dalam kenyataan (George Ritzer - Douglas J. Goodman, 2010). Weber menyatakan bahawa masyarakat telah bgeser dari yang berfikir non-rasional menuju ke pemikiran rasional. Hal ini dilihat Weber sebagai gejala awal dari sebuah modeniti, sehingga Weber menganalisisnya melalui teori rasionaliti. Weber menyatakan bahawa secara garis besar ada dua jenis rasionaliti, iaitu rasionaliti tujuan dan rasionaliti nilai. Rasionaliti tujuan ialah rasionaliti yang menyebabkan seseorang atau sekumpulan orang dalam suatu tindakan berorientasi pada tujuan tindakan, cara mencapainya, dan akibat-akibatnya.


Ciri khas rasionaliti ini ialah bersifat formal, kerana hanya mementingkan tujuan. Manakala rasionaliti nilai ialah rasionaliti yang mempertimbangkan nilai-nilai atau norma-norma yang membenarkan atau menyalahkan suatu penggunaan cara tertentu bagi mencapai suatu tujuan. Rasionaliti ini menekankan pada kesedaran nilai-nilai estetika dan keagamaan. Ciri khas rasionaliti ini ialah bersifat substantif, sebab mementingkan komitmen rasionalitinya ke atas nilai yang dihayati secara peribadi. Dalam konteks kajian ini, sintesis yang diuji adalah gabungan antara rasionaliti tujuan dan rasionaliti nilai.

Daripada andaian tersebut di atas, dapat disimpulkan bahawa dasar teori pilihan rasional adalah seluruh tindakan sosial disebabkan oleh tindakan individu dengan keputusannya sendiri. Individu memiliki rujukan di antara beberapa pilihan alternatif yang memungkinkan individu tersebut menyatakan pilihan yang diinginkannya. Rujukan tersebut dianggap lengkap dan transitif. Agen rasional kemudian mempertimbangkan maklumat yang ada, kemungkinan kesan, potensi kos dan keuntungan dari penentuan pilihan dan bertindak konsisten dalam memilih tindakan terbaik.

Rasionaliti selalunya dijadikan andaian tindakan individu dalam model dan analisis ekonomi mikro dan muncul dihampir semua penjelasan pembuatan keputusan individu. Rasionaliti dalam hal ini bermaksud rasionaliti instrumental yang merangkumi pencarian cara paling jimat kos bagi meraih tujuan tertentu tanpa melihat berharga atau tidaknya tujuan tersebut.

Hal ini menimbulkan permasalahan, iaitu perilaku dualisme dan motif memburu prestij. Berdasarkan permasalahan kajian di atas, maka dari segi epistemologi, makalah ini bertujuan untuk melihat bagaimana berlakunya perubahan makna upacara *'rambu solo'* dulu dan kini.

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan pendekatan fenomenologi dengan unit analisis adalah individu (Engkus Kuswanto, 2001; Kristin G. Esterberg, 2002, Neuman; 2011, Sugiyono; 2010). Kawasan kajian (Rajah 1) yang dipilih ialah Makale Utara yang dihuni oleh tokoh *Aluk Todolo*, tokoh adat dan tokoh Agama Kristen. Jenis persampelan adalah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) kepada tokoh *Aluk Todolo*, tokoh adat, dan tokoh Agama Kristen. Teknik pengumpulan data adalah temubual (*interview*), pemerhatian (*observation*) dan sumber bertulis yang dihasilkan oleh pengkaji-pengkaji adat dan kebudayaan Toraja sebelum ini. Analisis data menggunakan langkah-langkah yang dikemukakan oleh Miles dan Huberman (1984), Burhan Bungin (2006) iaitu reduksi data (*data reduction*), penyajian data (*data display*), dan penarikan kesimpulan (*conclusion drawing*). Kajian ini menggunakan teori Perubahan Sosial Budaya oleh Malinowski (Koentjaraningrat, 2003; John Mc Leish, 1969).



Sumber: Propinsi Sulawesi Selatan Dalam Angka, 2014

Rajah 1. Kawasan kajian, Tana Toraja, Provinsi Sulawesi Selatan, Kepulauan Sulawesi, Indonesia

Upacara Rambu Solo' masa dahulu

Aluk rambu solo' masa dulu adalah upacara untuk orang mati yang diamalkan mengikut **asas kepercayaan Aluk Todolo**. Secara harfiah aluk rambu solo' bererti "ketentuan-ketentuan untuk asap yang menurun", ertinya ritus-ritus persembahan untuk orang mati, yang diamalkan selepas pukul 12 petang, ketika matahari mula bgerak turun (Frans B. Palebangan, 2007).

Apakah yang terjadi apabila seseorang telah mati?. Hasil kajian Theodorus Kobong (2008) dan penjelasan daripada tokoh Aluk Todolo, Tato' Dena' bahawa pada asasnya segala sesuatu sudah ditentukan oleh status si mati dan jenis upacaranya sudah diatur oleh struktur sosial. Pada masa dulu bentuk upacara rambu solo' mengikut tana' (kelas sosial) sebagai berikut:

- 1) *Lollo rara dan to ditanan* (keguguran), hanya telur, untuk semua *tana'*.
- 2) *Disilli' kayu* (anak belum tumbuh gigi) satu ekor babi, untuk semua *tana'*.
- 3) *Disilli' batu* (anak sudah tumbuh gigi) 4 ekor babi, untuk semua *tana'*.
- 4) *Dibai tungga' atau dibai a'pa'*, 1 atau 4 ekor babi, untuk *tana' kua-kua*.
- 5) *Tedong tungga'*, satu ekor kerbau, untuk semua *tana'*.
- 6) *Ditallung bongi*, 3-5 ekor kerbau, untuk *tana' karurung* ke atas.
- 7) *Dilimang bongi*, 6-11 ekor kerbau, untuk *tana' bassi*.
- 8) *Dipitung bongi*, 12-23 ekor kerbau, untuk *tana' bassi* dan *tana' bulaan*.
- 9) *Dirapai*, 24 ekor kerbau dan lebih, untuk *tana' bulaan*.

Ritual rambu solo' dulu diamalkan mengikut ketentuan struktur sosial, sebagaimana dijelaskan oleh tokoh Aluk Todolo, Tato' Dena' bahawa:

“dulu, sebelum agama Kristen masuk ke Toraja, aluk rambu solo’ diamalkan mengikut ketentuan-ketentuan adat. Ketentuan adat sudah jelas bagi seseorang, tidak boleh ditambah-tambah. To Mena dan To Parengge’ sangat berperanan dalam menentukan jenis upacara sesuai status sosial dan kemampuan seseorang (temu bual 12 April 2013).

Penjelasan Tato’ Dena’ di atas tentang ketentuan adat yang menjadi rujukan dalam menentukan jenis upacara *rambu solo’* pada masa dulu sesuai status sosial adalah wujud penjelasan tentang konsep struktur sosial yang sifatnya tertutup. Hal ini menunjukkan bahawa amalan upacara *rambu solo’* pada masa dulu sangat mematuhi struktur sosial. Apa yang telah diatur oleh adat itulah yang diikuti, tidak ditambah mahupun dikurangkan. Semakin tinggi *tana’* seseorang, semakin tinggi jenis upacara yang diamalkan, demikian pula sebaliknya. Namun, apabila kemampuan ekonomi tidak mencukupi, keluarga dapat memilih jenis upacara sesuai kemampuan yang telah ditentukan oleh struktur sosial. Justeru, amalan upacara *rambu solo’* pada masa dulu sesungguhnya adalah sederhana.

Mengikut Tato’ Dena’, haiwan-haiwan (kerbau dan babi) yang akan dikorbankan, sebelum dipotong didahului dengan doa-doa persesembahan. Hal ini dilakukan agar persembahan tersebut dapat menjadi suluh (penerang) bagi orang yang sudah mati dalam perjalanan kembali ke kehidupan asal di langit berjumpa dengan Tuhan. Itulah sebabnya haiwan-haiwan yang disediakan dalam upacara *rambu solo’* disembelih semuanya untuk pelaksanaan ritual-ritual persembahan.

Mengikut ajaran *Aluk Todolo*, bahawa tujuan akhir kehidupan di dunia ialah kembali ke kehidupan asal di langit. Kembalinya manusia ke sana dijamin oleh pelaksanaan ritual-ritual yang diwajibkan. Hal ini dijelaskan oleh tokoh *Aluk Todolo*, Tato’ Dena’ bahawa:

“ritual-ritual kematian sebagai penutup masa hidup di dunia merupakan harapan kehidupan yang akan datang. Oleh itu makna utama aluk rambu solo’ adalah memberi kehidupan yang baik di seberang sana. Makin baik kehidupan leluhur di seberang sana, makin banyak pula berkat yang dapat diberi kepada keturunannya” (temubual 12 April 2013).

Penjelasan Tato’ Dena’ di atas tentang makna utama upacara *rambu solo’* mengikut kepercayaan *Aluk Todolo* adalah wujud penjelasan tentang konsep makna tindakan sosial yang disebut oleh Weber sebagai *verstehen*. Namun sebelum tindakan sosial berlaku, didahului dengan tindakan bermotif. Dalam hal ini, tindakan bermotif yang berlaku adalah motif budaya.

Upacara Rambu Solo’ masa kini

Perbincangan mengenai upacara *rambu solo’* masa kini adalah dalam konteks kesan nilai-nilai baharu. Nilai-nilai baharu yang dibawa oleh penyebaran agama Kristian dan perkembangan moden. Wujudnya Gereja Protestan di Tana Toraja diawali dengan pembaptisan sebanyak 23 orang murid pada tahun 1913. Satu tahun kemudian pada tahun 1914 misi perkhabaran Injil yang disebut Zending (tenaga Eropah) tiba di Tana Toraja. Selanjutnya pada tahun 1915 kegiatan pembaptisan diambil alih oleh Zending. Motif Gereja Protestan adalah pendidikan dengan membuka beberapa sekolah di wilayah Makale dan melakukan pembaptisan beramai-ramai. Manakala motif Zending adalah ingin membawa seluruh wilayah Toraja di bawah kuasa Kristian. Walaupun misi mereka berbeza, namun mereka berjalan selaras dalam upaya menyederhanakan adat atau bahkan menghapuskannya. Pada tahun 1947 Gereja Toraja diinstitusikan sebagai gereja yang mandiri. Pekerjaan perkhabaran Injil menjadi tanggung jawab Gereja Toraja. Kini, gereja menghadirkan diri sebagai persekutuan baharu.

Bagaimana penilaian Kristian terhadap agama dan kebudayaan tradisional?. Penilaian itu beraneka ragam, sebagaimana hasil kajian daripada Richard Niebuhr (dalam Theodorus Kobong, 2008) yang menemukan adanya lima sikap utama, iaitu:

- 1) Kristian dari/di dalam kebudayaan
- 2) Kristian di atas kebudayaan
- 3) Kristian pembaharu kebudayaan
- 4) Kristian dan kebudayaan dalam paradoks
- 5) Kristian menentukan kebudayaan

Kelima-lima sikap di atas adalah untuk menjelaskan bahawa masalah kebudayaan adalah masalah yang tidak boleh habis. Masing-masing sikap menanggapi masalah Kristian dan kebudayaan dengan caranya sendiri. Pertama, *cultural Christians* memandang Kristian dan kebudayaan sebagai kesatuan. Mereka dapat disebut orang-orang Protestan budaya. Kedua, *synthesists* menempatkan Kristian di atas semua kebudayaan. Mereka dapat disebut golongan Katolik. Ketiga, *conversionists* memandang Kristian sebagai transformator kebudayaan. Keempat, *dualists* memperhadapkan Kristian dengan kebudayaan dalam posisi paradoks. Kelima, *radical Christians* menolak segala kebudayaan dan menganggapnya “kegelapan”.

Kumpulan yang menganut semboyan *Christ of culture*, cenderung melebur Injil ke dalam kebudayaan, sehingga akhirnya kebudayaan sendirilah yang menjadi Injil. Di pihak lain, mengikut kumpulan Kristian radikal yang menganut semboyan *Christ against culture*, Injil sama sekali tidak berurusan dengan kebudayaan. Kebudayaan termasuk kegelapan, merupakan pekerjaan syaitan.

Kumpulan dengan semboyan *Christ above culture* menempatkan Injil di atas kebudayaan, tetapi sama seperti kumpulan *Christ and culture in paradox*, pandangan mereka menghasilkan dualisme. Perbezaannya, mengikut kumpulan tersebut iaitu pertama Injil berada di atas kebudayaan, manakala yang kedua Injil dan kebudayaan itu sejajar.

Praktik Agama Kristian ke atas *Aluk* adalah bahawa seluruh kehidupan harus ditujukan kepada kemuliaan Allah. Hal ini memberi kesan ke atas perubahan makna upacara *rambu solo*’ masa kini, iaitu sebagai tanda kasih kepada jenazah, sebagai penghormatan kepada jenazah, dan sebagai pengikat sosial. Bukan lagi bagi keselamatan orang mati dan pemberi berkat kepada keturunannya, mengikut fahaman tradisional.

Mengikut Theodorus Kobong (2008) perkembangan moden di Tana Toraja terjadi antara lain melalui pendidikan, media massa, pelancongan dan penghijrahan penduduk. Zending sudah menanamkan banyak masa dan tenaga dalam pengembangan pendidikan. Sebelum tahun 1947, bidang pendidikan hampir seluruhnya berada dalam tangan zending. Selepas tahun 1947, kegiatan itu dilanjutkan oleh Gereja Toraja.

Orang Kristen yang telah menerima pendidikan, bersikap lebih kritis terhadap adat. Mereka ingin memelihara unsur-unsur adat yang baik, tetapi unsur-unsur yang menghalangi kemajuan harus diketepikan. Sikap Kristian ini dimotivasi terutama oleh faktor-faktor sosio-ekonomi. Mereka umumnya tidak lagi dibesarkan secara langsung di bawah penggarisan dan tuntunan adat sebagai *aluk* dan kebudayaan. Mereka adalah orang terpelajar, tinggal di kota-kota perantauan, jauh dari kampung di mana adat masih merupakan kuasa yang nyata. Mereka hidup dalam masyarakat heterogen. Oleh itu, mereka mencari jati diri budaya dalam kesatuan budaya ditengah-tengah keragaman kebudayaan.

Selain itu, sejak akhir tahun 1960-an Tana Toraja termasuk Daerah Tujuan Pelancongan. Ritual-ritual adat, terutama ritual-ritual kematian semakin diserlahkan. Gereja Toraja mengambil sikap positif terhadap pelancongan, tetapi bersikap kritis terhadap pelancong moden. Media massa, terutama televisyen termasuk salah satu perkembangan moden. Dunia moden sudah berkembang ke dalam dunia Toraja. Ia tidak hanya melalui televisyen, tetapi juga melalui pelancongan. Orang Toraja juga sudah banyak melakukan penghijrahan penduduk dan sudah menyebar ke mana-mana. Hal-hal yang telah dihuraikan di atas memberi warna terhadap bentuk upacara *rambu solo*’ masa kini.

Mengikut Theodorus Kobong (2008), sejak tahun 1970-an, gereja sudah kehilangan kawalan atas tingkah laku orang Kristian. Pesta-pesta ritual kematian, dikembangkan secara berlebihan dan memberi kesan seolah dibuat-buat. Orang-orang tua mengatakan bahawa pada zaman dulu, upacara kematian itu lebih sederhana. Mengikut mereka gara-gara meningkatnya kekayaan material, banyak unsur dalam adat yang ditambah dan dimodifikasi. Itu kerana perbuatan orang Kristian yang mengubah ritual-ritual itu menjadi pameran keberhasilan. Itulah kritik orang-orang tua, khususnya mereka yang masih menganut

Aluk Todolo. Kritik juga datang daripada pihak pemuda. Pesta-pesta adat adalah pembaziran. Dari huraian di atas menunjukkan bahawa sikap orang-orang Kristian ke atas adat sudah berbeza-beza.

Theodorus Kobong (2008) membezakan tiga sikap utama iaitu; 1) Sikap tidak kritis terhadap adat dan kebudayaan, 2) Sikap kristis yang mahu memisahkan adat daripada *aluk*, dan 3) Sikap kritis yang menekankan sifat holistik pandangan dunia yang terdapat dalam *aluk* dan adat. Hasil kajian ini menemukan bahawa sikap pertama dan kedua melahirkan perilaku dualisme. Hal ini selaras dengan apa yang dikemukakan oleh Mattulada (dalam Akin Duli, 2003) bahawa sehingga kini orang-orang Toraja yang menganut agama Kristian pun masih mengamalkan ajaran *Aluk Todolo* dalam kehidupan sehari-hari. Berbagai aspek kehidupan orang Toraja masih dikuasai oleh ajaran *Aluk Todolo* ini merupakan tempat berpijaknya seluruh sendi kebudayaan Toraja.

Telah dihuraikan di atas bahawa amalan upacara *rambu solo*' kini telah mengalami perubahan kerana adanya penyebaran agama Kristian dan perkembangan moden. Berdasarkan penjelasan daripada pemuka-pemuka adat di Makale Utara bahawa secara umum bentuk upacara *rambu solo*' masa kini adalah sebagai berikut:

- 1) *Tedong tungga'*, satu ekor kerbau, untuk semua *tana'* (kelas)
- 2) *Ditallung bongi*, 3-5 ekor kerbau, untuk *tana'* (kelas) *karurung* ke atas
- 3) *Dilimang bongi*, 6-11 ekor kerbau, untuk *tana'* (kelas) *bassi*
- 4) *Dipitung bongi*, 12-17 ekor kerbau, untuk *tana'* (kelas) *bassi* dan *tana'* (kelas) *bulan*
- 5) *Rarapanan layu-layu*, 18-23 ekor kerbau dan lebih, untuk *tana'* (kelas) *bassi* dan *tana'* (kelas) *bulan*.
- 6) *Rapasan sundun*, 24-50 ekor kerbau, untuk *tana'* (kelas) *bassi* dan *tana'* (kelas) *bulan*
- 7) *Rapasan sapu randanan*, 51 ekor kerbau dan lebih, untuk *tana'* (kelas) *bulan*

Perubahan asas yang berlaku dalam upacara *rambu solo*' masa kini adalah dalam hal nilai-nilai budaya. Pada upacara *rambu solo*' masa dulu, nilai utamanya diasaskan kepada kepercayaan *Aluk Todolo*. Hal tersebut dijelaskan oleh tokoh kepercayaan *Aluk Todolo*, Tato Dena' bahawa :

"orang yang putus nyawanya mengikut kepercayaan Aluk Todolo disebut to makula' ertinya "belum" mati, hanya mengalami gangguan sakit dan arwah mendiang masih ada di sekitar jenazah atau rumah d imana jenazah disemayamkan. Mendiang akan selamat menuju langit ditentukan oleh sempurna tidaknya upacara rambu solo' dan haiwan-haiwan yang dikorbankan sebagai suluh (penerang). Apabila upacara diamalkan dengan sempurna, maka mendiang akan selamat dan menjadi dewa (mebalii puang) selanjutnya kembali memberi berkat kepada keturunannya". (temu bual 14 April 2013).

Penjelasan Tato' Dena' tentang upacara *rambu solo*' untuk keselamatan orang mati dan pemberi berkah kepada keturunannya adalah wujud penjelasan tentang nilai-nilai budaya tradisional. Manakala pada upacara *rambu solo*' masa kini, nilai utamanya telah mengalami perubahan. Hal ini dijelaskan oleh tokoh agama Kristen di kecamatan Makale Utara, Pdt. Dr. Andarias Kabanga' bahawa:

"upacara rambu solo' adalah untuk mengungkapkan rasa kasih dan menghormati ahli keluarga yang telah mati. Daging kerbau yang dipotong sebagai jamuan untuk mempererat hubungan kekeluargaan dan sebagai perekat sosial dalam kebersamaan. Kepercayaan bahawa upacara tersebut untuk keselamatan orang mati yang akan menjadi dewa (mebalii puang) dan dapat memberi berkat kepada keturunannya, dibasmi kerana tidak sesuai dengan kepercayaan Kristian" (temu bual 25 Jun 2013).

Mengenai orang yang telah putus nyawanya, hasil kajian Andarias Kabanga' (2002) menemukan bahawa Gereja Toraja dalam hal ini menggunakan istilah "mati seutuhnya". Mati seutuhnya bererti benar-

benar mati dan bukan hanya *to makula*'. Pada saat seseorang mati, maka jiwanya juga mengalami kematian. Oleh itu apabila manusia mati, ia mati secara utuh.

Penjelasan Andarias Kabanga' di atas tentang mati seutuhnya dan upacara *rambu solo*' sebagai ungkapan rasa kasih dan penghormatan kepada si mati adalah wujud penjelasan tentang nilai-nilai budaya baru. Dengan demikian, agama telah melakukan transformasi budaya dengan cara difusi. Melalui transformasi budaya, agama membarui kebudayaan dengan cara menyerap kebudayaan tradisional dan mentransformasikannya.

Perubahan nilai-nilai *rambu solo*' juga menyebabkan terjadinya perubahan gagasan (sistem budaya) dan aktiviti (sistem sosial). Berbagai macam gagasan muncul yang melatar belakangi upacara *rambu solo*' antara lain kerana motif dan tujuan budaya, agama, ekonomi, dan status sosial (gengsi). Munculnya berbagai macam motif dan tujuan tersebut menyebabkan aktiviti upacara *rambu solo*' berbeza-beza. Hasil temubual dengan tokoh adat Makale Utara, James Payuk menjelaskan bahawa:

"sekarang motif orang melakukan upacara rambu solo' macam-macam, ada karena motif prestij, motif ekonomi, atau motif budaya. Dengan motif gengsi orang-orang melakukan upacara secara berlebihan dan tidak peduli lagi status sosialnya, yang penting mereka merasa mampu. Hal inilah yang menimbulkan anggapan bahawa upacara rambu solo' masa kini adalah pemborosan" (temubual 22 April 2013).

Penjenas James Payuk tentang motif prestij sehingga orang tidak peduli lagi status sosialnya adalah wujud penjelasan tentang berlakunya status sosial yang bersifat terbuka dalam mengamalkan upacara '*rambu solo*'. Perubahan lainnya adalah waktu pelaksanaan. Dulu upacara *rambu solo*' diamalkan selepas pukul 12 petang. Namun pada masa kini upacara tersebut dapat bermula pada pagi sehingga petang. Hal ini dijelaskan oleh tokoh adat Makale Utara, James Payuk bahawa:

"dulu upacara rambu solo' diamalkan selepas pukul 12 siang, pada saat mata hari mulai turun (solo'). Namun kini kerana sudah banyak kesibukan, maka dapat bermula pada pagi hari untuk memberi kesempatan kepada tetamu yang sibuk sehingga tidak dapat ikut upacara pada petang hari" (temubual 22 April 2013).

Berasaskan huraian di atas menunjukkan bahawa upacara *rambu solo*' masa dulu yang diasaskan kepada *Aluk Todolo* telah mengalami perubahan kerana diadaptasikan dengan agama Kristian dan perkembangan moden. Perubahan yang terjadi dapat diarahkan kepada konsep perubahan sosial budaya. Dalam perbincangan ini, pengkaji menggunakan salah satu pandangan Malinowski bagi mengkaji tentang perubahan sosial budaya, iaitu difusi atau penyebaran. Dalam hal ini, yang menyebar adalah masuknya pengaruh agama Kristian dan perkembangan moden ke dalam kebudayaan tradisional. Penyebaran tersebut sampai pada bagian di mana keperluan-keperluan baharu dipenuhi dan menjamin kelangsungan hidup.

Kesimpulan

Upacara *rambu solo*' masa dulu berpandukan kepada ajaran *Aluk Todolo*. Upacara *rambu solo*' mengikut *Aluk Todolo* diamalkan sesuai status si mati. Tiap-tiap bentuk diamalkan mengikut tahapan-tahapan tertentu, dan setiap tahapan didahului dengan sesaji atau persempahan. Tujuannya adalah untuk keselamatan bagi mendiang yang selanjutnya akan menjadi dewa dan kembali memberi berkat kepada keturunannya. Hasil kajian menemukan bahawa dari ketiga sikap tersebut lahirlah tiga bentuk perilaku dan motif amalan upacara *rambu solo*' yang berbeza-beza iaitu motif status sosial, motif ekonomi, dan motif budaya. Motif status sosial mengarah kepada motif prestij. Perbezaan upacara *rambu solo*' dulu dan kini, dapat dilihat pada Jadual 1 di bawah ini:

Jadual 1. Perbezaan upacara *Rambu Solo'* dulu dan kini

No	Perbezaan	Upacara <i>Rambu Solo'</i> Dulu	Upacara <i>Rambu Solo'</i> Kini
1	asas kepercayaan	agama tradisional (<i>Aluk Todolo</i>)	agama modern (Kristian, Katolik)
2	makna upacara	<ul style="list-style-type: none"> - Bagi keselamatan arwah di langit - mendiang akan berubah menjadi dewa. - kembali memberi berkat kepada keturunannya. 	<ul style="list-style-type: none"> - sebagai tanda kasih kepada mendiang - sebagai penghormatan kepada mendiang - sebagai perekat sosial.
3	motif	<ul style="list-style-type: none"> - motif budaya 	<ul style="list-style-type: none"> - motif status sosial - motif ekonomi - motif budaya
4	sikap ke atas <i>aluk</i> dan adat	<ul style="list-style-type: none"> - sepenuhnya diikuti 	<ul style="list-style-type: none"> - sikap tidak kritis - sikap kritis yang mahu memisahkan <i>aluk</i> dan adat - sikap kritis yang menekankan sifat holistik dalam <i>aluk</i> dan adat
5	jumlah bentuk upacara	sembilan bentuk	tujuh bentuk
6	pilihan bentuk upacara	mengikut status sosial secara tertutup	mengikut status sosial secara terbuka
7	makna haiwan yang dipotong	sebagai <i>suluh</i> (penerang) bagi orang mati	<ul style="list-style-type: none"> - sebagai jamuan kepada tamu - sebagai penghormatan kepada tokoh masyarakat - menunjukkan status sosial mati seutuhnya
8	makna mati	<i>to makula'</i>	cenderung pemborosan
9	segi kos	sederhana	
10	waktu amalan	selepas pukul 12 tengah hari	sebelum dan selepas pukul 12 tengah hari

Rujukan

- Akin Duli, Hasanuddin (2003) *Toraja Dulu dan Sekarang*. Pustaka Refleksi, Makassar.
- Arman Marwing (2011) Problem Psikologis dan Strategi *Coping* Pelaku Upacara Kematian *Rambu Solo'* di Tana Toraja (Studi fenomenologi pada *tana' bulaan*). *Jurnal Psikologi Islam (JPI)* 8 (2), 209. Lembaga Penelitian Pengembangan Psikologi dan Keislaman (LP3K).
- Andarias Kabanga' (2002) *Manusia Mati Seutuhnya, Suatu Kajian Antropologi Kristen*. Media Pressindo, Yogyakarta.
- Burhan Bungin (2006) *Metodologi Penelitian Kualitatif, Aktualisasi Metodologis ke Arah Ragam Varian Kontemporer*. PT. Raja Grafindo Persada, Jakarta.
- Engkus Kuswanto (2009) *Fenomenologi. Metode Penelitian Kualitatif*. Widya Padjadjaran, Bandung.
- Frans B. Palebangan (2007) *Aluk, Adat, dan Adat-Istiadat Toraja*. PT. Sulo, Tana Toraja.
- George Ritzer - Douglas J. Goodman (2010) *Teori Sosiologi Modern*. Kencana Prenada Media Group, Jakarta.
- Hamzah Uno (2013) *Teori Motivasi & Pengukurannya*. PT. Bumi Aksara, Jakarta.
- Hetty Nooy-Palm (1986) *The Sa'dan Toraja: A Study of Their Social Life and Religion-Rituals of the East and West*. Volume II. KITLV Press, Leiden.
- Ida Bagus Wirawan (2013) *Teori-Teori Sosial, Dalam Tiga Paradoks*. Kencana Prenada Media Group, Jakarta.
- Ikma Citra Ranteallo (2007) Pemaknaan Ritual Mantunu Dalam Upacara Pemakaman *Rambu Solo'* di Tana Toraja Sulawesi Selatan. (Tesis Sarjana). Universitas Gadjah Mada, Yogyakarta.

- John McLeish (1969) *The Theory of Social Change*. Schocken Books, New York.
- Koentjaraningrat (2003) *Pengantar Antropologi*. Cetakan Kedua. PT. Rineka Cipta, Jakarta.
- Kristin G Esterberg (2002) *Qualitative and Quantitative in Social Research*. Mc Graw Hill, New York.
- Miles Matthew B, Huberman Michael A (1984) *Qualitative Data Analysis; A Sourcebook of New Methods*. Sage Publication, Beverly Hills, London.
- Neuman WL (2011) *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*. (7th Ed). Pearson Education Inc., Boston.
- Sugiyono (2010) *Memahami Penelitian Kualitatif*. Alfabeta, Bandung.
- Tandi Roma Andi Lolo (1968) Pembantaian Hewan dan Implikasi Sosialnya di Daerah Tana Toraja. (Skripsi Sarjana). Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik, Universitas Hasanuddin, Makassar.
- Toby Alice Volkman (1985) *Feast of Honor: Ritual and Change in the Toraja Highlands*. University of Illinois Press, Chicago and Urbana.
- Tangdilintin LT (1975) *Toraja dan Kebudayaannya*. Cetakan Kedua. Yayasan Lepongan Bulan, Tana Toraja.
- Theodorus Kobong (1983) *Manusia Toraja: Dari Mana, Bagaimana, ke Mana?* Tangmento E: Seri Institut Theologia Gereja Toraja (SITGT) no.1.
- ibid (2008) *Injil dan Tongkonan: Inkarnasi, kontekstualisasi, transformasi*. Gunung Mulia, Jakarta.
- Toraja Tallu Lembaga (2010) *Sejarah Aluk, Adat, dan Budaya Toraja di Tallu Lembangna*. Keluarga Besar Tallu Lembangna Jabodetabek, Jakarta.